

CNS6975

U GB 24-09 00220 BA500

aab

PM NASIHAT PELAJAR GUNAKAN PELUANG TIMBA ILMU

Mahathir - Pelajar

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

DUBLIN, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati para pelajar Malaysia di luar negara supaya menggunakan segala peluang yang ada pada mereka untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman bagi menghadapi hari-hari depan yang lebih mencabar.

Perdana Menteri berkata mereka juga harus mengamalkan nilai-nilai kerohanian yang murni dan mengelakkan diri daripada dipengaruhi amalan-amalan hidup negatif yang bertentangan dengan ajaran agama dan tradisi masyarakat Malaysia.

Ilmu pengetahuan yang tinggi, pengalaman baik dan nilai-nilai murni serta sikap bertanggungjawab yang diamalkan mereka bukan sahaja akan membantu pembangunan diri mereka tetapi juga negara, kata beliau kepada kira-kira 100 pelajar Malaysia dari seluruh Ireland dalam pertemuan khas di sini pada hari Rabu.

Katanya, maruah negara akan meningkat jika rakyatnya berhemah tinggi, berpendidikan dan mengamalkan nilai-nilai moral yang baik dan dengan demikian orang lain akan lebih menghormati Malaysia.

Negara memerlukan rakyat dan tenaga kerja yang berkualiti dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020, kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengeluarkan belanja yang banyak setiap tahun untuk menghantar penuntutnya ke seberang laut bukan semata-mata untuk mengatasi kekurangan tempat di universiti tempatan, tetapi juga untuk membolehkan mereka menimba pengalaman yang tidak mungkin diperolehi dalam negara. -- Lagi.

▼24/09/19-01MST

CNS6983

U GB 24-09 00171 BA501

aab

Mahathir - Pelajar 2 Dublin

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri menyeru mereka supaya menghapuskan sikap suka mengasingkan diri dan malu bergaul dengan rakyat tempatan di mana mereka belajar.

+Kalau kita bergaul sesama sendiri sahaja dan mengasingkan diri daripada masyarakat tempatan maka tujuan asal kerajaan menghantar para pelajaranya ke luar negara tidak akan tercapai.

+Lebih baik kita belajar dalam negara kita sendiri sahaja,+ katanya.

Dr Mahathir berkata dengan mempelajari cara hidup orang lain, mereka akan dapat menilai kekuatan dan kelemahan mereka di samping mencontohi nilai-nilai yang baik dan menolak nilai-nilai negatif yang diamalkan oleh masyarakat Barat.

+Nilai-nilai buruk seperti keruntuhan moral, penolakan terhadap institusi-institusi sosial seperti perkahwinan dan hidup secara berkeluarga serta pelbagai lagi unsur-unsur negatif yang kini diamalkan oleh masyarakat di setengah-setengah negara Barat, tidak harus dicontohi,+ tegas beliau.

Beliau juga mengingatkan mereka supaya sentiasa waspada terhadap tohmah-tohmah yang sengaja dibuat oleh sesetengah kalangan dari dalam negara yang sengaja mahu memesongkan mereka untuk tujuan politik. -- Lagi.

▼24/09/19-05MST

U GB 24-09 00175 BA502

aab

Mahathir - Pelajar 3 Dublin

Sebaliknya, mereka harus bersyukur dan insaf kerana mendapat peluang belajar di luar negara.

+Hakikatnya ialah bagi setiap seorang pelajar yang mendapat tempat univesiti di luar dan dalam negara, terdapat ribuan lagi pelajar lain yang tidak mendapat tempat dan peluang.

+Oleh yang demikian, sekiranya terdapat masalah-masalah kecil yang kita hadapi semasa menuntut, kita harus bersabar dan jangan menjadikannya sebagai isu yang besar,+ katanya.

Kerajaan akan mengambil langkah dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di seberang laut mengikut kemampuannya.

Sebelum itu, beliau berjanji untuk mengkaji permohonan pelajar Malaysia di sini untuk mendapatkan sebuah Dewan Malaysia yang lebih besar untuk dijadikan pusat kegiatan mereka.

Dewan yang sedia ada sekarang mungkin tidak mencukupi untuk menampung keperluan pelajar Malaysia yang jumlahnya dijangka meningkat pada tahun-tahun akan datang.

Dr Mahathir berkata, beliau berterima kasih kepada kerajaan Ireland yang bersedia menerima lebih banyak pelajar Malaysia untuk mengikuti kursus perubatan di universiti-universiti di negara ini. -- Lagi.

▼24/09/19-08MST

U GB 24-09 00178 BA503

aab

Mahathir - Pelajar 4 (Akhir) Dublin

Yang turut hadir pada perjumpaan itu ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Hari ini Perdana Menteri yang sedang dalam rangka lawatan rasmi selama empat hari ke Ireland akan mengunjungi Presiden Mary Robinson di ARAS AN UACHTARAIN, kediaman rasmi Puan Robinson.

Dr Mahathir dan rombongannya yang termasuk isteri beliau, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali akan juga melawat Irish Science and Technology Agency dan Bio-Research Centre serta menyaksikan upacara penandatanganan Memorandum Persahaman antara PARC Healthcare International dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Johor.

Petang ini Perdana Menteri dan rombongannya akan berlepas ke Shannon, bandar perusahaan Ireland, kira-kira 200 km dari sini untuk menyaksikan secara lebih dekat kegiatan perusahaan teknologi tinggi yang telah berjaya meningkatkan kemajuan ekonomi Ireland, sebuah negara kecil di Eropah yang hampir keseluruhan daripada ekonominya bergantung kepada eksport, sehingga ke tahap sekarang. -- Bernama.

-24/09/19-10MST